

'Kerajaan kena jadi pemula sedia peranti percuma'

Kuala Lumpur: Kerajaan diminta menyediakan peranti percuma kepada murid yang berdepan masalah pengajaran dan pembelajaran di rumah (PdPR) secara dalam talian, kata Presiden Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan Malaysia (NUTP), Aminuddin Awang.

Beliau berkata, jika kerajaan menjadi pihak 'pemula' kepada usaha itu, ia dapat menjadi rangsangan kepada pihak lain seperti badan bukan kerajaan (NGO) untuk terbabit sama.

Katanya, usaha kerajaan perlu disokong pihak luar seperti NGO atau mana-mana entiti secara lebih holistik bagi mendepani isu membabitkan PdPR dalam kalangan murid.

"Kita melihat di media sosial ada NGO memberi peranti percuma, tetapi ia tidak dilakukan secara besar-besaran. Sebenarnya inisiatif ini perlu bermula daripada kerajaan yang akhirnya boleh merangsang atau disokong organisasi yang ingin membantu.

"Diharapkan agihan pemilikan gajet dapat diberi fokus yang lebih oleh kerajaan. Walaupun selepas ini sekolah dibuka semula, PdPR ini akan jadi penyokong kuat kepada sesi persekolahan," katanya ketika dihubungi *BH*, semalam.

Mengulas perkembangan PdPR setakat ini, Aminuddin berkata, guru tidak menghadapi masalah kerana mempunyai peralatan, selain mengikut apa dirancang pihak sekolah.

Beliau berkata, masalah utama sekarang adalah murid yang berdepan masalah PdPR kerana ramai bergantung kepada peranti dan capaian internet untuk belajar secara dalam talian.

Katanya, PdPR bukan semata-mata secara maya, tetapi ia tertakluk sesi pengajaran dan pembelajaran secara *offline*.

"Masyarakat mentakrifkan PdPR sebagai pembelajaran secara dalam talian. Maksudnya mereka menganggap guru perlu berada di depan laptop dan murid dengan gajet masing-masing. Dalam aspek pemilikan gajet dan akses internet, guru perlu mempelbagaikan kaedah PdPR dan ia bukan secara dalam talian saja.

"Belum sampai seminggu (PdPR ketika PKP), saya rasa banyak kekurangan dan kelemahan, tetapi kita perlu beri ruang untuk guru mengatasinya," katanya

Sementara itu, Ketua Menteri Sabah, Datuk Hajiji Noor berkata, kerajaan negeri sedang mempertimbang memberi peranti elektronik kepada pelajar kurang berkemampuan di negeri itu sebagai kemudahan untuk mereka mengikuti sesi PdPR.

Beliau berkata, kerajaan negeri memahami kekangan dan cabaran dihadapi ibu bapa menyediakan keperluan itu demi memastikan penyelesaian pembelajaran anak-anak.

"Kami faham ramai pelajar kurang berkemampuan di Sabah menghadapi masalah pemilikan peranti elektronik," katanya selepas meninjau keadaan jalan runtuh di Kilometer 44.7 Jalan Penampang-Tambunan seperti dilapor Bernama, di sini, semalam.

Tahun lalu, Pengarah Pendidikan Sabah, Datuk Dr Mistirine Radin berkata, 52 peratus pelajar di negeri itu tidak mempunyai akses internet dan peranti mudah alih seperti telefon pintar dan komputer untuk mengikuti sesi PdPR dalam talian.

Mengulas liputan internet di Sabah, Hajiji berkata, Kerajaan Persekutuan komited meningkatkan keupayaan jalur lebar di negeri ini menerusi Pelan Jalinan Digital Negara (JENDELA) bernilai RM2.5 bilion.